

## SOAL-JAWAB BERKAITAN AUDIT AUTONOMI

### 1. APAKAH DEFINISI AUTONOMI?

Penurunan kuasa daripada agensi pusat dan pihak kementerian kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam menentukan sesuatu keputusan dengan matlamat membolehkan Universiti Awam (UA) bergerak secara berkesan demi mencapai agenda kecemerlangan.

### 2. BAGAIMANA AUTONOMI MEMBERIKAN KELEBIHAN KEPADA UNIVERSITI?

Autonomi membantu mewujudkan kelestarian pengurusan Universiti Awam (UA) yang berdaya saing dan mapan.

### 3. APAKAH TUJUAN AUTONOMI DIBERIKAN KEPADA SESEBUAH UNIVERSITI?

- Menjadikan UA sebagai institusi berinovasi dan berdaya saing yang meliputi empat (4) bahagian: Tadbir Urus Institusi, Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia dan Tadbir Urus Akademik.
- Memberi peluang kepada UA dan kuasa secukupnya untuk membuat keputusan dengan telus dan bertanggungjawab.
- Membantu UA mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek pentadbiran dan pengurusan.

### 4. APAKAH BAHAGIAN KRITIKAL YANG TERLIBAT DALAM PENGAUDITAN UNTUK MENDAPATKAN AUTONOMI?

- Tadbir Urus Institusi.
- Tadbir Urus Kewangan.
- Tadbir Urus Sumber Manusia.
- Tadbir Urus Akademik.

### 5. SIAPAKAH TERLIBAT DALAM PERJALANAN AUDIT AUTONOMI?

Semua warga universiti UPNM (Termasuk ahli LPU, Pengurusan Tertinggi, staf akademik, staf bukan akademik dan staf pelaksana).

6. APAKAH MANFAAT AUTONOMI KEPADA SEBUAH UNIVERSITI DARI SEGI PENTADBIRAN INSTITUSI?

Universiti berkuasa membuat dan melaksanakan keputusan sendiri melalui struktur governan yang jelas iaitu menerusi LPU, SENAT, Naib Canselor dan lain-lain.

7. APAKAH MANFAAT AUTONOMI KEPADA SEBUAH UNIVERSITI DARI SEGI PENTADBIRAN KEWANGAN?

Universiti berkuasa membuat keputusan berkaitan dengan pengurusan kewangan dan penjanaan kekayaan.

8. APAKAH MANFAAT AUTONOMI KEPADA SEBUAH UNIVERSITI DARI SEGI PENTADBIRAN SUMBER MANUSIA?

Universiti berkuasa menetapkan dasar-dasar berkaitan pembangunan organisasi, sistem saaraan, pelan penggantian dan urusan perkhidmatan berkaitan modal insan.

9. APAKAH MANFAAT AUTONOMI KEPADA SEBUAH UNIVERSITI DARI SEGI PENTADBIRAN AKADEMIK?

Universiti berkuasa mewujudkan, menawar dan melaksanakan program pengajian berdasarkan sistem jaminan kualiti akademik yang memenuhi keperluan audit institusi seperti MQA, BEM dan lain-lain.

10. APAKAH KOMPONEN PENILAIAN BAGI TADBIR URUS INSTITUSI?

- Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- Struktur Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- Dasar-dasar Strategik Universiti.

11. APAKAH KOMPONEN PENILAIAN BAGI TADBIR URUS KEWANGAN?

- Polisi peraturan dan prosedur bagi kelestarian dan pengurusan kewangan.
- Perancangan, kawalan, laporan dan pemantauan kewangan.
- Penjanaan sumber kewangan dan kekayaan.
- Amalan pengurusan risiko.

12. APAKAH KOMPONEN PENILAIAN BAGI TADBIR URUS SUMBER MANUSIA?

- Perancangan dan Sumber Manusia.
- Pelan Penggantian.

13. APAKAH KOMPONEN PENILAIAN BAGI TADBIR URUS AKADEMIK?

- Struktur komposisi ahli SENAT.
- Tanggungjawab dan Peranan SENAT dalam institusi.

14. APAKAH PERANAN STAF UNIVERSITI DALAM MEMASTIKAN KEJAYAAN AUDIT KESEDIAAN AUTONOMI INI?

- Memahami visi, misi, dan falsafah universiti dengan jelas.
- Memahami dasar-dasar dan proses utama dalam setiap bahagian autonomi.
- Mempunyai semangat kerjasama dan sikap positif dan sentiasa peka kepada persekitaran universiti.

15. BILAKAH AUDIT KESEDIAAN AUTONOMI DILAKSANAKAN DI UPNM?

Pelaksanaan Audit dilaksanakan oleh 16 orang auditor daripada MPC pada 1 hingga 3 Disember 2015.